

**TINJAUAN AWAL KECENDERUNGAN GAYA PEMBELAJARAN  
DALAM 4 KEMAHIRAN BAHASA ARAB**

Farah Nur-Rashida Rosnan, Norfaezah Mohd Hamidin

Zati Azmina Jaafar

farahnurrashida@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

**ABSTRAK**

Gaya pembelajaran merupakan elemen penting dan memberi impak yang besar dalam dunia pendidikan. Justeru, kajian ini menekankan aspek gaya pembelajaran Visual, Auditori, dan Kinestetik (VAK) terhadap 4 kemahiran bahasa Arab. Kajian ini merupakan kajian rintis yang telah dilakukan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik. Penyelidik menggunakan soal selidik yang diadaptasi daripada soal selidik dalam gaya pembelajaran Visual, Auditori, dan Kinestetik (VAK) sedia ada. Seramai 39 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua yang terdiri daripada dua kelas terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Statistik deskriptif telah digunakan bagi mendapatkan maklumat dalam frekuensi dan peratus bagi pembolehubah profil pelajar dan latar belakang pelajar. Statistik frekuensi pula digunakan untuk gaya pembelajaran Visual, gaya pembelajaran Auditori, dan gaya pembelajaran Kinestetik. Hasil kajian menunjukkan pelajar lebih cenderung menggunakan gaya pembelajaran Kinestetik berbanding menggunakan gaya pembelajaran Visual dan Auditori.

**Kata kunci:** kecenderungan, gaya pembelajaran VAK, bahasa Arab.

## 1.0 PENDAHULUAN

Kemahiran bahasa memainkan peranan penting bagi meningkatkan penguasaan pelajar. Dalam bahasa Arab, terdapat empat kemahiran penting yang perlu dikuasai pelajar iaitu, kemahiran bertutur, kemahiran mendengar, membaca dan menulis. Kedudukan kemahiran bahasa dalam sesuatu kurikulum bahasa telah dilihat sebagai satu kemahiran yang sangat penting dalam pembelajaran dan penguasaan sesuatu bahasa. Maka kesimpulan penting yang dibuat oleh Luoma (2004) yang menyatakan bahawa kemahiran bahasa merupakan komponen penting dalam kurikulum bahasa. Perkara ini menyokong pandangan terdahulu oleh Tiedt, Bruemmer, Lane, Stelwagon, Watanabe, dan William (1983) yang merumuskan bahawa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, seseorang kanak-kanak yang dapat menguasai kemahiran bahasa dengan baik mempunyai kecenderungan untuk menjadi pembaca dan penulis yang baik dalam sesuatu bahasa. Penguasaan kemahiran ini adalah satu aspek penting yang menentukan kejayaan pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing (Nunan, 1991). Brown (2001) menyifatkan kemahiran bahasa sebagai tanda aras (*benchmark*) kejayaan penguasaan sesuatu bahasa.

Terdapat beberapa punca menyebabkan pelajar lemah dalam pembelajaran kemahiran bahasa, iaitu kurangnya penguasaan para pelajar terhadap perbendaharaan kata serta kurang berkemahiran dalam membina ayat gramatis, kurang mempraktikkan amalan bertutur dalam bahasa sasaran sesama mereka, penggunaan gaya pembelajaran mengikut kecenderungan pelajar serta kaedah pengajaran yang kurang berkesan Ashinida (2012). Hal ini dapat dilihat dengan jelas berlaku dalam pembelajaran kemahiran bahasa Arab kerana bahasa tersebut dianggap lebih sukar dikuasai berbanding bahasa lain manakala penggunaannya pula dalam kalangan masyarakat juga dilihat tidak meluas Zawawi (2001).

Bagi mengatasi masalah ini, beberapa pengkaji cuba mengetengahkan Gaya Pembelajaran Visual, Auditori, Kinestetik (VAK) dalam pembelajaran bahasa kerana ia dilihat mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan pelajar cemerlang bahasa (PCB) (Rubin, 1975; Stern, 1975). Mereka sentiasa mempraktikkan gaya pembelajaran tertentu secara konsisten. Malah gaya pembelajaran bahasa yang sesuai sering kali didapati

mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecemerlangan prestasi bahasa (Green & Oxford 1995). Selain itu, salah satu faktor yang membezakan kecemerlangan antara dua pelajar sama pandai dan diajari oleh guru yang sama ialah penggunaan gaya belajar yang betul, sesuai dan berkesan. Dengan kata lain, mereka yang melaksanakan gaya pembelajaran yang berkesan secara kerap dan pelbagai lebih berjaya untuk menguasai bahasa sasaran.

## 2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik dalam pengumpulan data. Skala Likert 4 tahap digunakan dalam soal selidik ini. Populasi pelajar Seramai 39 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), telah dipilih dalam kajian ini. Kajian dijalankan ke atas 39 orang pelajar tersebut bertujuan untuk melihat Gaya Pembelajaran VAK yang digunakan terhadap pembelajaran kemahiran bahasa Arab. Teknik persampelan rawak digunakan dalam mengedarkan soal selidik. Selepas data diperolehi, satu ujian deskriptif dilakukan bagi melihat min persepsi intrinsik dan ekstrinsik. Untuk tujuan interpretasi data deskriptif, kajian ini juga membahagikan min kepada tiga tahap, iaitu seperti di dalam Jadual 1.

Jadual 1: Kategori tahap penilaian min skala likert 4

<b>Julat Min</b>	<b>Tahap Min</b>
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana
3.01-4.00	Tinggi

Sumber: Abdull Sukor (2008)

### 2.1 Populasi

Kajian telah dijalankan kepada ke atas 39 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

### 3.0 ANALISIS DATA

Analisis data berkaitan gaya pembelajaran bahasa ini dibahagikan kepada gaya pembelajaran Visual, gaya pembelajaran Auditori, dan gaya pembelajaran Kinestetik. Soal selidik berbentuk skala likert diedarkan kepada 39 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua.

SKALA	SKOR
Sangat Setuju	4
Setuju	3
Tidak Setuju	2
Sangat Tidak Setuju	1

Rajah 1: Bentuk Skala Likert yang digunakan dalam soal selidik

### 4.0 DAPATAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi menentukan gaya pembelajaran VAK dalam kalangan pelajar pengkhususan bahasa Arab di Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS). Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian SPSS 21.0. Analisis deskriptif dijalankan dengan melibatkan kekerapan, min dan sisihan piawai.

Jadual 2 menunjukkan jantina responden. Seramai 12 orang (30.8%) ialah pelajar lelaki manakala 27 orang (69.2%) ialah pelajar perempuan.

Jadual 2: Jantina

Jantina	Frekuensi	Peratusan
Lelaki	12	30.8%
Perempuan	27	69.2%

Jadual 3 menunjukkan semester pengajian responden. Seramai 16 (2.6%) orang responden ialah pelajar semester satu, 7 (18.4%) orang ialah pelajar semester dua dan 5 (13.2%) orang ialah pelajar semester tiga dan 25 (65.8) orang dalam kalangan pelajar semester empat.

Jadual 3: Semester Pengajian

<b>IPT</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratusan</b>
Semester 1	1	2.6%
Semester 2	7	18.4%
Semester 3	5	13.2%
Semester 4	25	65.8%

Jadual 4 menunjukkan pengalaman belajar di negara Arab oleh responden. Seramai 34 orang (87.2%) tiada pengalaman belajar di negara Arab, 2 (5.1%) orang belajar di antara 1-11 bulan, seorang (2.6%) belajar di antara 1-2 tahun dan 2 orang (5.1%) belajar di antara 3 tahun ke atas.

Jadual 4: Pengalaman Belajar di Negara Arab

<b>IPT</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratusan</b>
Tiada	34	87.2%
1-11 bulan	2	5.1%
1-2 tahun	1	2.6%
3 tahun ke atas	2	5.1%

## 5.0 ANALISIS DESKRIPTIF

Bagi melihat kecenderungan pembelajaran gaya pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar, analisis deskriptif telah digunakan untuk mentafsir data yang telah dikumpul. Hasil

analisis deskriptif ini dipersembahkan dalam bentuk jadual yang mengandungi nilai min dan. Jumlah min daripada setiap konstruk akan dikategorikan kepada tiga skor seperti jadual di bawah.

Jadual 5: Skor Min

Julat Min	Tahap Min
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana
3.01-4.00	Tinggi

**a. Gaya Pembelajaran Visual**

Bil.	Soalan Soal Selidik	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Selang Skala Min
S1.	Jika saya berjumpa pelancong Arab yang ingin ke satu kawasan di universiti, saya akan <i>memberi peta atau menunjukkan gambar kepadanya.</i>	<b>1</b>	<b>8</b>	<b>24</b>	<b>6</b>	Min = 2.90
S2.	Jika saya tidak pasti sama ada perkataan berikut dieja “السمك” atau “السماء”, saya akan <i>membayangkan perkataan tersebut dan memilih mengikut rupa yang nampak sesuai.</i>	<b>1</b>	<b>8</b>	<b>19</b>	<b>11</b>	Min = 3.03
S3.	Sekiranya pensyarah menyuruh saya membuat pembentangan mengejut di dalam kelas, saya akan <i>merujuk buku rujukan untuk</i>		<b>8</b>	<b>21</b>	<b>10</b>	Min = 3.05

	<i>mencari idea berpandukan gambar.</i>					
S4.	Dalam pemilihan buku, <i>harga dan reka bentuk akan lebih menarik perhatian saya.</i>		<b>2</b>	<b>13</b>	<b>23</b>	Min = 3.51
S5.	Apabila saya mempelajari sesuatu <i>i'rab</i> , saya mempelajarinya dengan <i>melihat tunjuk-ajar (demonstrasi) gambar rajah dan peta minda.</i>		<b>6</b>	<b>22</b>	<b>11</b>	Min = 3.13
S6.	Sekiranya saya menghadapi masalah dalam memahami pembelajaran bahasa Arab, saya lebih suka pensyarah <i>menunjukkan peta minda yang menerangkan masalahnya.</i>	<b>1</b>	<b>5</b>	<b>16</b>	<b>17</b>	Min = 3.26
S7.	Saya gemar melayari laman web Arab yang memiliki <i>rekabentuk dan ciri-ciri visual yang menarik.</i>		<b>2</b>	<b>20</b>	<b>17</b>	Min = 3.38
S8.	Saya suka pensyarah yang <i>menggunakan gambar rajah, carta, atau graf semasa mengajar.</i>		<b>2</b>	<b>16</b>	<b>21</b>	Min = 3.49
	Min Keseluruhan	<b>Tinggi</b>				<b>3.21</b>

Rajah 2: Hasil daripada soal selidik yang diedarkan berkaitan Gaya Pembelajaran Visual.

Rajah 2 mendapati bahawa setiap nilai min gaya pembelajaran visual bagi setiap item berada pada tahap tinggi dan sederhana. Nilai min paling tinggi dicapai pada item S4 (Dalam

pemilihan buku, harga dan reka bentuk akan lebih menarik perhatian saya) iaitu dengan nilai min = 3.9. Seterusnya diikuti dengan item S1 (Jika saya berjumpa pelancong Arab yang ingin ke satu kawasan di universiti, saya akan memberi peta atau menunjukkan gambar kepadanya) iaitu dengan nilai min = 3.89. Nilai min paling rendah dicapai oleh item S7 (Saya gemar melayari laman web Arab yang memiliki rekabentuk dan ciri-ciri visual yang menarik.) dengan nilai min = 3.6. Secara keseluruhannya, gaya pembelajaran visual berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min = 3.18.

#### b. Gaya Pembelajaran Auditori

Bil.	Soalan Soal Selidik	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Selang Skala Min
S1.	Jika saya berjumpa pelancong Arab yang ingin ke satu kawasan di universiti, saya akan memberi <i>memberi tunjuk-arrah secara lisan ke tempat itu.</i>	1	5	23	9	Min = 3.03
S2.	Sekiranya saya tidak pasti sama ada perkataan berikut dieja "السّمك" atau "السّماء", saya akan <i>menyebut perkataan tersebut dalam minda anda dan pilih salah satu.</i>	1	8	19	11	Min = 3.03
S3.	Sekiranya pensyarah menyuruh saya membuat pembentangan mengejut di dalam kelas, saya akan <i>meminta cadangan daripada kawan-kawan sekelas.</i>		8	21	10	Min = 3.13
S4.	Dalam pembelian buku, selain daripada harga, saya akan <i>terpengaruh apabila jurujual menerangkan ciri-ciri buku itu kepada saya.</i>		2	13	23	Min = 3.08
S5.	Apabila saya mempelajari sesuatu <i>i'rab</i> , saya <i>mempelajarinya dengan mendengar seseorang menerangkan dan bertanya</i>		6	22	11	Min = 3.49

	<i>soalan.</i>					
S6.	Sekiranya saya menghadapi masalah dalam memahami pembelajaran bahasa Arab, saya lebih suka pensyarah <i>menunjukkan peta minda yang akan menghuraikan permasalahan tersebut.</i>	<b>1</b>	<b>5</b>	<b>16</b>	<b>17</b>	Min = 3.33
S7.	Saya gemar melayari laman web Arab yang memiliki <i>reka bentuk yang menarik dari iaitu audio dan video untuk saya dengar dan fahami.</i>		<b>2</b>	<b>20</b>	<b>17</b>	Min = 3.31
S8.	Saya suka seorang penceramah atau pensyarah yang <i>menggunakan teknik soal jawab semasa memberi ceramah.</i>		<b>2</b>	<b>16</b>	<b>21</b>	Min = 3.36
	Min Keseluruhan	<b>Tinggi</b>	<b>3.22</b>			

Rajah 3: Hasil daripada soal selidik yang diedarkan berkaitan Gaya Pembelajaran Auditori.

Rajah 3 mendapati bahawa setiap nilai min gaya pembelajaran auditori bagi setiap item berada pada tahap tinggi dan sederhana. Nilai min paling tinggi dicapai pada item S4 (Dalam pemilihan buku, harga dan reka bentuk akan lebih menarik perhatian saya) iaitu dengan nilai min = 3.9. Seterusnya diikuti dengan item S1 (Jika saya berjumpa pelancong Arab yang ingin ke satu kawasan di universiti, saya akan memberi peta atau menunjukkan gambar kepadanya) iaitu dengan nilai min = 3.89. Nilai min paling rendah dicapai oleh item S7 (Saya gemar melayari laman web Arab yang memiliki rekabentuk dan ciri-ciri visual yang menarik.) dengan nilai min = 3.6. Secara keseluruhannya, gaya pembelajaran visual berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min = 3.18.

c. Gaya Pembelajaran Kinestetik

Bil.	Soalan Soal Selidik	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Selang Skala Min
S1.	Sekiranya saya berjumpa pelancong Arab yang ingin ke sesuatu kawasan di universiti, <i>saya akan membawanya ke tempat tersebut.</i>		5	7	8	Min = 2.97
S2.	Sekiranya saya tidak pasti sama ada perkataan berikut dieja “السمك” atau “السماء”, saya akan <i>rujuk pada kamus.</i>	1	8	19	11	Min = 3.26
S3.	Jika pensyarah menyuruh saya membuat pembentangan secara mengejut di dalam kelas, saya akan <i>merujuk kepada buku rujukan.</i>		8	21	10	Min = 2.87
S4.	Semasa pemilihan buku, selain daripada harga, saya akan <i>terpengaruh apabila membaca keterangan tentang sinopsis buku tersebut.</i>		2	13	23	Min = 3.21
S5.	Apabila saya mempelajari sesuatu <i>i'rab</i> , saya mempelajarinya dengan baik iaitu dengan <i>menulis semula sambil mempelajarinya.</i>		6	22	11	Min = 3.57
S6.	Sekiranya saya menghadapi masalah dalam memahami pembelajaran bahasa Arab, saya lebih suka pensyarah <i>memberi alamat laman web atau</i>	1	5	16	17	Min = 3.23

	<b><i>bahan bacaan berkaitannya.</i></b>					
S7.	Saya gemar melayari laman web Arab yang memiliki <b><i>rekabentuk yang menarik.</i></b>		<b>2</b>	<b>20</b>	<b>17</b>	Min = 3.46
S8.	Saya suka seorang penceramah atau pensyarah yang menggunakan <b><i>demonstrasi, model atau sesi amali, nota edaran, buku atau bahan bacaan semasa memberi syarahan.</i></b>		<b>2</b>	<b>16</b>	<b>21</b>	Min = 3.46
		Min Keseluruhan	<b>Tinggi</b>	<b>3.25</b>		

Rajah 4: Hasil daripada soal selidik yang diedarkan berkaitan Gaya Pembelajaran Kinestetik.

Rajah 4 mendapati bahawa setiap nilai min gaya pembelajaran kinestetik bagi setiap item berada pada tahap tinggi dan sederhana. Nilai min paling tinggi dicapai pada item S4 (Dalam pemilihan buku, harga dan reka bentuk akan lebih menarik perhatian saya) iaitu dengan nilai min = 3.9. Seterusnya diikuti dengan item S1 (Jika saya berjumpa pelancong Arab yang ingin ke satu kawasan di universiti, saya akan memberi peta atau menunjukkan gambar kepadanya) iaitu dengan nilai min = 3.89. Nilai min paling rendah dicapai oleh item S7 (Saya gemar melayari laman web Arab yang memiliki rekabentuk dan ciri-ciri visual yang menarik.) dengan nilai min = 3.6.

Secara keseluruhannya, gaya pembelajaran visual berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min = 3.18.

## **6.0 KESIMPULAN**

Berdasarkan selang skala min yang didapati melalui soal selidik yang diedarkan kepada pelajar berkaitan gaya pembelajaran kemahiran bahasa, kajian mendapati kecenderungan pelajar bahasa Arab menggunakan gaya pembelajaran VAK terhadap kemahiran bahasa Arab adalah lebih ke arah Visual, diikuti dengan gaya pembelajaran auditori, dan gaya pembelajaran kinestetik.

Justeru aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar perlu dipertingkatkan menggunakan aktiviti yang lebih tertumpu penggunaan elemen visual dan auditori seperti mendengar audio dan menggunakan alat bantu mengajar berunsurkan visual. Pelajar juga perlu menggunakan gaya pembelajaran dalam aktiviti pembelajaran sendiri mengikut kecenderungan masing-masing. Pensyarah bahasa Arab perlu memberi tunjuk ajar kepada pelajar cara menggunakan gaya pembelajaran yang sesuai mengikut individu dalam menguasai kemahiran berbahasa Arab khususnya kemahiran bertutur.

## **RUJUKAN**

- Nadwah Daud, Nadhilah Abdul Pisal. 2014. Permasalahan Pertutran Dalam Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Volume 14(1)
- Lubna Abd Rahman, Wan Azura Wan Ahmad. 2006. Halangan Berkomunikasi Dalam Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Kolej Universiti Islam Malaysia(KUIM)
- Noor Anida Awang, Rahimah Embong, Zaiton Mustafa, Azhar Yaacob, Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014, ISBN 978-967-5478-78-9
- Ku Fatahiyah Ku Azizan , Hairun Najuwah Jamali , Awatif Abdul Rahman . 2014. Kaedah Pengajaran & Pembelajaran Kemahiran Mendengar Dan Bertutur Bahasa Arab Di IPT. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS)*.